

Headline	Mati selepas dua jam didakwa ambil dadah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	10	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	107 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 930
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,790




# Mati selepas dua jam didakwa ambil dadah

**KOTA BHARU** - Seorang penganggur yang juga penghidap HIV positif ditemui mati di dalam lokap di Kompleks Mahkamah di sini semalam selepas dua jam lelaki itu dituduh atas kesalahan mengambil dadah.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Supritendan Idris Abd. Rafar berkata, kematian mangsa, Rosli Yaacob, 43, disedari oleh seorang anggota polis ketika memanggil nama tertuduh itu untuk dibawa ke Penjara Pengkalan Chepa pada pukul 3 petang.

Menurut beliau, selepas beberapa kali dipanggil, tertuduh tidak menyahut sebelum seorang anggota polis cuba mengejutnya yang sedang terbaring namun mendapati mangsa sudah tidak sedarkan diri.



ROS LI

“Anggota polis itu kemudian menghubungi ambulans untuk membawa lelaki itu ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu.

“Hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai perubatan, lelaki tersebut sudah meninggal dunia,” kata beliau.

Idris memberitahu, lelaki tersebut sebelum ini ditahan pada pukul 5.40 pagi dalam serbuan di rumahnya di Kampung Badang di sini pada Rabu lalu.

Semalam, dia dibawa ke Mahkamah Majistret di sini untuk dituduh mengikut Seksyen 15 (1)(a) kerana mengambil dadah.

“Siasatan mendapati tiada unsur jenayah dalam kematian tertuduh dan kes itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut,” kata beliau.